

# Raja-Raja dan Nabi-Nabi

# Isi Kandungan

Pengenalan kepada Raja-Raja dan Nabi-Nabi  
**ms.8**

## Jilid 1: Daripada Pakatan Suku-Suku kepada Kerajaan Bersatu

- 1. Nabi Samuel – Hakim terakhir Israel** ms.11
- 2. Samuel, Pembuat Raja** ms.17
- 3. Daud dan Goliat** ms.21
- 4. Daud Sebagai Pelarian** ms.28
- 5. Daud Menjadi Raja** ms.33
- 6. Daud Membawa Tabut Perjanjian ke Yerusalem** ms.38
- 7. Daud dan Betsyeba** ms.42
- 8. Daud dan Absalom** ms.47
- 9. Salomo Menggantikan Daud** ms.51
- 10. Bait Suci Salomo** ms.56
- 11. Salomo dan Ratu Syeba** ms.61

## Jilid 2: Kerajaan Terpisah dan Nabi-Nabi

- 12. Kerajaan Terpisah** ms.65
- 13. Nabi Elia dan Pertandingan di Gunung Karmel** ms.69

- 14. Elia, Ahab dan Ladang Anggur Nabot** ms.74

- 15. Nabi Elisa dan Naaman** ms.80

- 16. Yunus dan Kota Niniwe** ms.85

- 17. Hosea – Raja Terakhir Kerajaan Utara Israel** ms.90

- 18. Raja Hizkia dan Nabi Yesaya** ms.94

- 19. Raja Yosia, Pembentukan Semula, Kemerosotan dan Kejatuhan Yehuda** ms.98

## Jilid 3: Pembuangan dan Perlindungan Orang Israel

- 20. Daniel dari Babel** ms.104

- 21. Daniel – Tulisan pada Dinding** ms.110

- 22. Ezra dan Kepulangan Orang Buangan** ms.116

- 23. Daniel di Sarang Singa** ms.122

- 24. Ester – Ratu Persia** ms.126

- 25. Ester – Hari Raya Purim dan Penghakiman** ms.132

- 26. Nubuat dan Janji-Janji untuk Masa Hadapan** ms.137



# Prakata

Ramai orang Kristian berfikir Perjanjian Lama dalam Alkitab sukar dibaca dan difahami. Melalui Siri Penjelajahan Visual Alkitab, Pristine World menghasilkan pembelajaran unggul yang merangkumi sejarah pemimpin dan nabi Israel dari Perjanjian Lama dengan cara yang mudah difahami dan mengujakan.

Buku ini menggunakan pendekatan naratif seperti saksi bagi kejadian atau kisah yang terjadi pada zaman Raja-Raja dan nabi-nabi.

Kaedah ini merancakkan pembelajaran Perjanjian Lama dan menjadikannya sesuai untuk semua golongan usia. Gambar berwarna-warni dan lukisan yang disertakan adalah fantastik malah menambahkan sensasi dan keterujaan bagi pelajar.

Saya amat menyarankan buku ini kepada semua orang, terutamanya pengikut Kristian yang mendapati buku-buku dalam Perjanjian Lama membosankan dan sukar difahami. Buku ini turut menambah dimensi tambahan bagi membuat pembaca menghayati zaman kejadian yang diceritakan. Walaupun tidak menyeluruh, ia cukup baik untuk menarik minat pembaca menyiapkannya dalam satu bacaan.

Saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa serta memuji-Nya buat kesetiaan dan kasih kurnia-Nya bagi semua pembaca buku ini.



Reverend Agung Datuk Ng Moon Hing  
Ketua Biskop Gereja Anglikan Asia Tenggara  
Biskop Anglikan Uskup Semenanjung Malaysia

# Raja-Raja dan Nabi-Nabi

## Pengenalan

Kisah Raja-Raja dan Nabi-Nabi menjelaki dan meringkaskan kejadian Alkitab seperti yang diceritakan dari 1 Samuel sehingga Ester. Jangka masanya ialah lebih kurang pada tahun 1050 Sebelum Masihi sehingga tahun 450 Sebelum Masihi, ataupun lebih kurang 600 tahun! Oleh itu, kita tidak mampu mempelajari setiap watak secara terperinci. Akan tetapi, ada banyak yang boleh kita pelajari dengan mengkaji watak-watak utama dalam kejadian yang diceritakan. Kisah-kisah ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian:

- I. Daripada Pakatan Suku-Suku kepada Kerajaan Bersatu, kira-kira tahun 1050 SM ke 930 SM.
- II. Kerajaan Terpisah dan Nabi-Nabi, kira-kira tahun 930 SM ke 722 SM (Kerajaan Utara) 586 SM (Kerajaan Selatan)
- III. Pembuangan dan Perlindungan Orang Israel, kira-kira tahun 722 SM ke 450 SM.

### Seksyen 1 – Daripada Pakatan Suku-Suku kepada Kerajaan Bersatu

Dalam bahagian ini, kisah kita ditumpukan pada empat watak utama. Mereka ialah, mengikut urutan kemunculan, Samuel, Saul, Daud dan Salomo.

Kisah-kisah ini menunjukkan peralihan Israel daripada suku-suku yang diketuai Hakim-Hakim kepada sebuah kerajaan bersatu di bawah pemerintahan seorang raja. Kisah ini menunjukkan cara Tuhan memerintahkan umat-Nya melalui hamba yang setia. Seksyen ini bermula dengan panggilan Tuhan ke atas Samuel dan penggantian Eli kerana kegagalannya mengikuti perintah Tuhan. Selepas itu, kisah ini diteruskan kepada panggilan Saul, diikuti Daud serta kisah Daud menggantikan Saul. Daud ialah calon yang lebih baik, "seorang yang berkenan dalam hati-Nya" dan dipilih untuk menggantikan Saul sebagai pemimpin umat Tuhan.

Akhir sekali, kerajaan itu diwariskan kepada Salomo, raja yang paling bijak. Dia mengumpulkan banyak harta dan diberkati dengan kebijaksanaan yang melebihi semua raja lain. Akan tetapi, apabila dia menjadi angkuh dan dipengaruhi isteri yang ramai untuk menyembah dewa-dewa asing, akhirnya dia gagal mengikuti Tuhan nenek moyangnya.

Penceritaan ini akan menyelitkan beberapa petikan dari Mazmur dan Amsal kerana ia ditulis oleh Raja Daud dan Raja Salomo.

## Seksyen II – Kerajaan Terpisah dan Nabi-Nabi

Selepas kematian Salomo, kerajaan Israel terpisah kepada dua kerajaan kecil: Yehuda di selatan dengan Yerusalem sebagai ibu kota. Ia terdiri daripada suku Yehuda dan Benyamin. Manakala sepuluh suku yang lain di Utara dipanggil Israel dengan Samaria sebagai ibu kotanya.

Cerita yang berlaku dari 930 SM ke 586 SM dipenuhi kisah raja yang gagal. Ramai antara mereka tidak setia menyembah Tuhan nenek moyang mereka. Dengan pengecualian beberapa orang raja yang baik, selebihnya tidak lagi diingati selepas kematian mereka.

Dalam bahagian ini, kami mengetengahkan cerita Elia, Elisa, Yunus, Yehezkiel dan Yesaya.

Kebanyakan nabi-nabi ini telah memberikan amaran kepada Israel tentang hukuman dan bencana yang bakal menimpa jika mereka terus membelaangi Tuhan. Mereka turut bernubuat tentang pembebasan daripada Tuhan selepas mereka bertaubat; bahawa Tuhan akan membangkitkan raja asing untuk melakukan penghakiman, tetapi Dia juga akan membangkitkan dan “mentahbiskan” raja asing, seperti Kores, untuk menjadi pembebas mereka.

## Seksyen III - Pembuangan dan Perlindungan Orang Israel

Dalam seksyen ini, kami mengetengahkan kisah buku Daniel dan Ester. Kisah-kisah ini menceritakan cara Tuhan melindungi umat-Nya sewaktu dibuang ke tanah asing.

Kisah-kisah ini turut menceritakan cara umat Tuhan kekal setia dan menikmati perlindungan Tuhan sementara dalam pembuangan.

Kami menyertakan beberapa nubuat nabi Yesaya dan Yehezkiel berkenaan hukuman dan pembebasan bagi orang Israel. Tuhan mendedahkan semua ini kepada mereka dari awal supaya apabila ia berlaku, orang Israel akan tahu Tuhan adalah agung dan Dia telah memberikan amaran. Selepas itu, jika mereka kembali kepada Tuhan dan bertaubat, Dia akan membebaskan mereka.

Dalam nubuat tentang penyelamat mereka yang akan datang, sesetengah nubuat itu menyebut tentang Penyelamat pada masa hadapan yang membawa keselamatan kepada seluruh dunia. Nubuat ini hanya boleh digenapi Yesus Kristus, Anak Tuhan.

